

Universiti mempunyai fakulti perubatan perlu ada hospital sendiri

UB 13.11.2012 A2

Oleh YAP SIONG HAN

sionghan_yap@yahoo.com

KOTA KINABALU: Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Kakitangan Universiti Malaysia (Gakum) menyarankan semua universiti yang ada fakulti perubatan harus mempunyai hospital sendiri demi memantapkan pelajar mereka.

Pengerusi Gakum, Datuk Omar Osman menyeru kepada kementerian yang berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan memandang serius perkara itu.

"Ini adalah supaya pelajar perubatan itu sendiri tidak akan lari ke tempat yang lain di samping dapat menjamin dan memantapkan diri dari segi latihan perubatan, dan kita tidak mahu tumpang hospital lain.

"Saya hairan kenapa Universiti Putra Malaysia (UPM) di antara universiti tertua di sini tidak mempunyai hospital sendiri berbanding universiti yang baru daripadanya," katanya pada sidang media sempena Mesyuarat Gakum di sini kelmarin.

Beliau berkata, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia serta beberapa universiti lain termasuk Universiti Malaysia Sabah yang dalam proses pembinaan mempunyai hospital sendiri.

Katanya, sekiranya kementerian berkaitan tidak ingin berbuat sesuatu adalah baik serahkan sahaja Hospital Serdang kepada UPM kerana sehingga kini mereka menumpang di sana.



OMAR (tengah) menjelaskan sesuatu kepada pemberita di sidang media itu.